



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **KEBEBASAN BERSUARA SECARA BERETIKA DAN MATANG**

Kebebasan bersuara merupakan prinsip asas yang penting dalam masyarakat dan amalan demokrasi di negara ini. Kerajaan dengan jelas menegaskan hak kebebasan bersuara sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dakwaan bahawa Kerajaan mengekang pengkritik daripada bersuara adalah tidak benar sama sekali. Terdapat kritikan dalam pelbagai bentuk seperti karya satira dan penulisan yang berunsur kritikan terhadap Kerajaan, namun tidak diambil tindakan selama ini. Malah, kritikan seperti ini turut dilaporkan oleh media secara amnya dan dikongsikan dalam media sosial tanpa halangan daripada Kerajaan. Kerajaan juga menerima kritikan secara terbuka dan mengambil berat akan kritikan yang menjurus ke arah kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Namun, kebebasan bersuara ini sama sekali bukan bererti membenarkan pandangan atau hujah berunsur hasutan yang sengaja mencetuskan kekecohan dan penghinaan, apatah lagi menghina Institusi Raja seperti dalam dakwaan beberapa kes baru-baru ini. Kita harus dapat membezakan antara kritikan dan penghinaan. Kita juga tidak boleh mengetepikan tanggungjawab sosial kita dalam masyarakat.

Etika dan kematangan dalam mengemukakan pandangan dan hujah harus diamalkan oleh kita semua agar bersesuaian demi kepentingan serta kemaslahatan ummah. Matlamat komunikasi ummah ini bermaksud menggunakan kebijaksanaan dalam tatacara berkomunikasi untuk memberi pengajaran yang baik, menegur dan mengkritik dengan berhemah serta beradab walaupun berbeza pendapat.

Saya menyeru agar kita semua mendokong prinsip penyatuan dan saling menghormati demi mengekalkan keharmonian serta suasana muhibbah dalam masyarakat.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**27 APRIL 2021**